

Terma dan Syarat

**“Kempen *Sip More for Less* di Starbucks
dengan Kad Kredit Visa Alliance Bank
(Julai 2024 – September 2024)”**

DEFINISI

Dalam Terma dan Syarat ini, melainkan dalam konteks yang menetapkan sebaliknya:

“**Bank**” atau “**ABMB**” membawa maksud Alliance Bank Malaysia Berhad.

“**Kempen**” bermaksud “Kempen Minuman: Beli 1 Percuma 1”.

“**Kempen Pemerolehan**” bermaksud “Kempen Pemerolehan untuk Menikmati Kad E-Hadiah Starbucks sehingga RM300”

“**Ganjaran Kempen**” bermaksud “Kad E-Hadiah Starbucks bernilai RM300 atau RM100”

“**Terma dan Syarat Kempen**” bermaksud Terma dan Syarat untuk Kempen dan Kempen Pemerolehan.

MAKLUMAT KEMPEN

KEMPEN MINUMAN: BELI 1 PERCUMA 1 (SETIAP ISNIN, SELASA & RABU)

1. Kempen yang dianjurkan oleh Bank ini akan berlangsung mulai 8 Julai 2024 hingga 30 September 2024 (termasuk kedua-dua terikh tersebut) atau tempoh lain sebagaimana yang dimaklumkan oleh Bank dari semasa ke semasa (“**Tempoh Kempen**”).
2. Bank berhak pada bila-bila masa dengan memberikan notis terlebih dahulu untuk mengubah tempoh dan/atau tarikh mula dan/atau tarikh tamat bagi Tempoh Kempen. Sebarang perubahan akan dikemas kini di laman web bank.
3. Kempen ini terbuka kepada semua Pemegang Kad Kredit individu ABMB (termasuk Pemegang Kad Tambahan) yang mempunyai Kad Kredit yang sah dan boleh membuat pembayaran di titik transaksi sepanjang Tempoh Kempen (“**Pemegang Kad yang Layak**”).
4. Untuk mengelakkan keraguan, penamatan akaun Kad Tambahan oleh Pemegang Kad Tambahan tidak akan menyebabkan Pemegang Kad Utama tersingkir daripada Kempen ini.
5. Individu berikut TIDAK layak mengambil bahagian dalam Kempen ini:
 - I. Pemegang Kad Kredit yang bukan dikeluarkan oleh Alliance Bank
 - II. Pemegang mana-mana Kad Kredit Visa Virtual dan/atau Kad Kredit Perniagaan;
 - III. Pemegang Kad yang akaunnya dengan ABMB adalah dorman, tidak aktif, ditutup, ditamatkan dan/atau tidak dikendalikan dengan memuaskan.
 - IV. Pemegang Kad yang telah meninggal dunia, atau individu yang sedang menghadapi sebarang jenis prosiding undang-undang;
 - V. Individu yang tidak waras, bawah umur atau bankrap;
 - VI. Mana-mana individu lain yang ditetapkan oleh ABMB untuk dikecualikan menurut dasar dalamannya.
 - VII. Mana-mana individu lain sebagaimana yang diputuskan oleh ABMB untuk dikecualikan menurut prosedur dalaman Bank.
6. Untuk mengambil bahagian dalam Kempen ini, Pemegang Kad yang Layak mesti memenuhi kriteria berikut:

KEMPEN MINUMAN: BELI 1 PERCUMA 1

Mekanik Kempen	Beli 1 minuman <i>handcrafted</i> bersaiz Grande ke atas dan dapatkan 1 minuman percuma. Minuman percuma adalah pada nilai yang setara atau lebih rendah daripada minuman yang dibeli. Berlangsung setiap Isnin, Selasa dan Rabu.
-----------------------	---

Tempoh Kempen	8 Julai 2024 hingga 30 September 2024 (Setiap Isnin, Selasa & Rabu sahaja)
Had Penebusan	Tiada had sepanjang Tempoh Kempen

POTONGAN 15%* BAGI SEMUA MAKANAN DAN MINUMAN SETIAP HARI, KECUALI ISNIN, SELASA & RABU

Mekanik Kempen	Potongan 15%* bagi semua makanan dan minuman tanpa perbelanjaan minimum dengan Kad Kredit ABMB
Tempoh Kempen	8 Julai 2024 hingga 30 September 2024 (Setiap Khamis, Jumaat, Sabtu & Ahad sahaja)
Had Penebusan	Tiada had sepanjang Tempoh Kempen

7. Tawaran Kempen ini tidak boleh dipindah milik, tidak boleh dikumpul, tidak boleh dipulangkan dan tidak boleh ditukar dengan tunai atau produk lain, atau digunakan bersama promosi lain yang sedang berlangsung (kecuali ditetapkan sebaliknya), diskaun, baucar, barangan Starbucks, biji kopi, VIA, item Grab & Go (seperti kerepek kentang, kacang, gula-gula pudina, air botol).
8. Tawaran adalah sah bagi tempahan untuk makan di kedai dan bawa pulang di semua kedai Starbucks di Malaysia kecuali Starbucks Reserve Bar dan Starbucks Sunway Lagoon.

KEMPEN PEMEROLEHAN UNTUK MENIKMATI KAD E-HADIAH STARBUCKS SEHINGGA RM300

1. Kempen Pemerolehan yang dianjurkan oleh Bank akan berlangsung dari 8 Julai 2024 hingga 30 September 2024 (termasuk kedua-dua tarikh) atau tempoh lain sebagaimana yang dimaklumkan oleh Bank dari semasa ke semasa ("**Tempoh Kempen Pemerolehan**"). Tempoh Kempen Pemerolehan merujuk kepada bulan permohonan kad kredit dan bukannya transaksi dalam tempoh ini.
2. Bank berhak pada bila-bila masa dengan memberikan notis terlebih dahulu untuk mengubah tempoh dan/atau tarikh mula dan/atau tarikh tamat bagi Tempoh Kempen Pemerolehan. Sebarang perubahan akan dikemas kini di laman web bank.
3. Kempen Pemerolehan ini terbuka kepada semua Pemegang Kad Kredit Utama yang baru diluluskan dalam Tempoh Kempen Pemerolehan bagi Visa Platinum ABMB (kecuali Kad Kredit Visa Virtual) dan/atau Kad Kredit Visa Signature ABMB dan/atau Visa Infinite ABMB ("**Kad yang Layak**") yang memenuhi kriteria berikut ("**Pemegang Kad yang Layak bagi Kempen Pemerolehan**"):
 - i. Pemegang Kad yang membuat permohonan untuk mendapatkan Kad yang Layak dalam Tempoh Kempen Pemerolehan;
 - ii. Pemegang Kad yang memegang Kad yang Layak yang sah (aktif tanpa kod sekatan) yang dikeluarkan oleh ABMB;
 - iii. Pemegang Kad yang telah membatalkan kad kredit Utama sedia ada mereka lebih enam (6) bulan sebelum Tempoh Kempen.
4. Untuk mengelakkan keraguan, penamatan akaun Kad Tambahan oleh Pemegang Kad Tambahan tidak akan membatalkan kelayakan Pemegang Kad Utamanya bagi penyertaan dalam Kempen ini.
5. Individu berikut TIDAK layak mengambil bahagian dalam Kempen ini:
 - i. Kakitangan atau pekerja tetap dan/atau sementara ABMB (termasuk subsidiari dan syarikat yang berkaitan), wakil dan/atau ejen (termasuk ejen pengiklanan dan promosi serta vendor teknologi maklumat) bagi ABMB (termasuk subsidiari dan syarikat berkaitan);

- ii. Entiti bukan individu, termasuk tetapi tidak terhad kepada pemilikan tunggal, perkongsian, organisasi/pertubuhan kebajikan/bukan untung, pelanggan korporat dan komersial, syarikat tersenarai awam dan sendirian berhad, kelab, persatuan dan koperasi;
- iii. Individu yang telah membatalkan kad kredit sedia ada mereka yang dikeluarkan oleh ABMB dalam tempoh enam (6) bulan sebelum Tempoh Kempen Pemerolehan;
- iv. Individu berusia bawah 21 tahun;
- v. Pemegang kad utama yang mempunyai Kad Kredit Visa atau Mastercard Alliance Bank sedia ada;
- vi. Individu yang tak solven atau yang telah dihukum bankrap, dan/atau
- vii. Mana-mana individu lain yang diputuskan oleh Bank untuk dikecualikan menurut prosedur dalaman Bank.

6. Untuk mengambil bahagian dalam Kempen Pemerolehan ini, Pemegang Kad yang Layak perlu membuat permohonan dan mengemukakan permohonan mereka untuk mendapatkan Kad yang Layak dalam Tempoh Kempen Pemerolehan dengan mengimbas Kod QR yang dipaparkan di kedai-kedai Starbucks dan Pemegang Kad yang Layak mesti memasukkan kod jempukan "STARBUCKS" dalam permohonan ATAU dengan membuat permohonan di laman promosi di <https://www.alliancebank.com.my/Promotions/Cards/Starbucks-Credit-Card-Acquisition-Campaign>.

7. Mekanik dan Ganjaran Kempen bagi Kempen Pemerolehan adalah seperti berikut:

- a. Kempen ini menawarkan **Kad E-Hadiah Starbucks bernilai RM100** kepada ahli Starbucks yang **permohonannya untuk mendapatkan Kad yang Layak diluluskan oleh bank** dan melaksanakan satu (1) kali Perbelanjaan Runcit yang Layak dalam Tempoh Perbelanjaan Kempen.
- b. Kempen ini menawarkan **Kad E-Hadiah Starbucks bernilai RM300** kepada ahli Starbucks yang **yang permohonanannya untuk Kad yang Layak DAN Pemindahan Baki yang Layak / Tunai Segera** diluluskan oleh Bank DAN melaksanakan satu (1) kali Perbelanjaan Runcit yang Layak dalam Tempoh Perbelanjaan Kempen.

Kad E-Hadiah Starbucks Bernilai RM100

Ganjaran Kempen	Kad E-Hadiah Starbucks bernilai RM100
Tempoh Kempen	8 Julai 2024 hingga 30 September 2024
Mekanik Kempen	<ul style="list-style-type: none"> • Membuat permohonan untuk Kad yang Layak melalui mana-mana kedai Starbucks di Malaysia (kecuali Starbucks Sunway Lagoon) dengan memasukkan kod jempukan "STARBUCKS" ATAU melalui laman promosi di https://www.alliancebank.com.my/Promotions/Cards/Starbucks-Credit-Card-Acquisition-Campaign • Kempen ini menawarkan <u>Kad E-Hadiah Starbucks bernilai RM100</u> kepada ahli Starbucks yang <u>permohonannya untuk Kad yang Layak diluluskan oleh bank</u> dan melaksanakan satu (1) kali Perbelanjaan Runcit yang Layak dalam Tempoh Perbelanjaan Kempen.

Kad E-Hadiah Starbucks bernilai RM300

Ganjaran Kempen	Kad E-Hadiah Starbucks bernilai RM300
Tempoh Kempen	8 Julai 2024 hingga 30 September 2024

Mekanik Kempen	<ul style="list-style-type: none"> Membuat permohonan untuk Kad yang Layak melalui mana-mana kedai Starbucks di Malaysia (kecuali Starbucks Sunway Lagoon) dengan memasukkan kod jemputan "STARBUCKS" ATAU melalui laman promosi di https://www.alliancebank.com.my/Promotions/Cards/Starbucks-Credit-Card-Acquisition-Campaign Kempen ini menawarkan Kad E-Hadiah Starbucks bernilai RM300 kepada ahli Starbucks yang permohonannya untuk Kad yang Layak DAN Pemindahan Baki yang Layak / Tunai Segera diluluskan oleh bank DAN melaksanakan satu (1) kali Perbelanjaan Runcit yang Layak dalam Tempoh Perbelanjaan Kempen
-----------------------	---

8. Ganjaran Kempen dihadkan pada 330 unit sebulan dan sejumlah 1,980 unit sepanjang Tempoh Kempen Pemerolehan, atas dasar siapa dulu dia dapat.
9. Untuk mengelakkan keraguan, **Perbelanjaan Runcit** untuk memenuhi mekanik kempen dan memperoleh ganjaran kempen ditakrifkan sebagai:
- a) Transaksi perbelanjaan runcit dalam mata wang tempatan/asing, transaksi dalam talian, Pelan Pembayaran Ansuran ("IPP") dan Pelan Pembayaran Flexi ("FPP"). Transaksi runcit IPP dan FPP dikira sebagai satu (1) transaksi berdasarkan amaun penuh bagi jumlah transaksi runcit.

Contoh: Dalam bulan pertama bagi Tempoh Perbelanjaan Kempen, Pelanggan A melaksanakan IPP/FPP 0% untuk 3 bulan bagi Transaksi Runcit berjumlah RM600. Pengecaman Perbelanjaan Runcit bagi Pelanggan A adalah seperti berikut:

Tempoh Perbelanjaan Kempen	Pengecaman Perbelanjaan Runcit Kempen	Catatan
Bulan 1	Bulan 1: RM600 Bulan 2: RM0 Bulan 3: RM0	Transaksi runcit IPP dan FPP dikira sebagai satu (1) transaksi berdasarkan amaun penuh bagi jumlah transaksi runcit.

- a) Bagaimanapun, transaksi runcit yang dibuat berkenaan yang berikut **akan dikecualikan** daripada Perbelanjaan Runcit:

Transaksi / Fi dan Caj	Kod MCC
Pembayaran Insurans	5960 - Pemasaran Langsung - Perkhidmatan Insurans 6300 - Penajajaminan, Premium Insurans
Penambahan nilai e-dompet	6540 - Institusi Bukan Kewangan - Pembelian/Penambahan Nilai bagi Kad Nilai Tersimpan
Transaksi runcit berkenaan dengan pembayaran perkhidmatan yang berkait kerajaan	9211 – Kos Mahkamah termasuklah Alimoni dan Tanggungan Anak – Mahkamah 9222 – Denda – Entiti Pentadbiran Kerajaan 9223 - Pembayaran Jaminan dan Bon 9311 - Pembayaran cukai – Agensi Kerajaan 9399 - Perkhidmatan Kerajaan (Tidak dikelaskan di

	tempat lain) 9402 - Perkhidmatan pos - Kerajaan sahaja, dan 9405 - Transaksi Intra-Kerajaan - Kerajaan sahaja
Pendahuluan Tunai, sebarang fi dan caj seperti Caj Pembiayaan, Caj Lewat, Fi Tahunan, Pemindahan Baki atau Tunai Segera adalah tidak layak untuk mendapatkan pulangan tunai	NIL

10. Tawaran Kempen Pemerolehan ini tidak boleh dipindah milik, tidak boleh dikumpul, tidak boleh dipulangkan dan tidak boleh ditukar dengan tunai atau produk lain, atau digunakan bersama promosi lain yang sedang berjalan (kecuali dinyatakan sebaliknya), diskaun, baucar, barangan Starbucks, biji kopi, VIA, item Grab & Go (seperti kerepek kentang, kacang, gula-gula pudina, air botol).
11. Ganjaran Kempen yang diberikan untuk Kempen Pemerolehan ini adalah menurut dasar dalaman bank dan sebarang keputusan yang dibuat oleh Bank mengenainya adalah dianggap sebagai muktamad.
12. Ganjaran Kempen akan dihantar melalui e-mel kepada Pemegang Kad yang Layak bagi Kempen Pemerolehan ke alamat e-mel mereka dalam masa TIGA (3) bulan selepas tamatnya Tempoh Pengaktifan Kempen seperti dalam jadual di bawah.

Bulan Kelulusan bagi Kad	Bulan Kelulusan bagi Pemindahan / Tunai Segera	Tempoh Perbelanjaan Runcit Kempen	Tempoh Penunaian Kempen
8 hingga 31 Julai 2024	Sebelum 31 Ogos 2024	Sebelum 31 Ogos 2024	Dalam masa 3 bulan dari 31 Ogos 2024
1 hingga 31 Ogos 2024	Sebelum 30 September 2024	Sebelum 30 September 2024	Dalam masa 3 bulan dari 30 September 2024
1 hingga 30 September 2024 (dilanjutkan hingga 15 Oktober 2024)	Sebelum 31 Oktober 2024	Sebelum 31 Oktober 2024	Dalam masa 3 bulan dari 31 Oktober 2024

13. Bank tidak mempunyai obligasi untuk membantu Pemegang Kad yang Layak bagi Kempen Pemerolehan untuk mendaftar sebagai ahli program Ganjaran Starbucks, yang dimiliki dan dikendalikan oleh Berjaya Starbucks Coffee Company Sendirian Berhad. Untuk menggunakan Ganjaran Kempen, Pemegang Kad yang Layak bagi Kempen Pemerolehan mesti melengkapkan proses pendaftaran.

TERMA DAN SYARAT AM

1. Dengan menyertai Kempen ini dan Kempen Pemerolehan, Pemegang Kad yang Layak dan Pemegang Kad yang Layak bagi Kempen Pemerolehan dikehendaki membaca dan memahami terma yang diberikan sebelum menyetujui Terma dan Syarat Kempen. Terma dan Syarat Kempen ini dan keputusan Bank berkenaan segala hal behubung dengan Kempen ini dan Kempen Pemerolehan adalah muktamad dan mengikat semua Pemegang Kad dan sebarang surat-menyurat dan/atau rayuan mengenainya tidak akan dilayan.
2. ABMB berhak menarik balik/membatalkan, menamatkan, menggantung atau melanjutkan Kempen ini dan Kempen Pemerolehan serta untuk menambah, memotong, menggantung dan/atau mengubah Terma dan Syarat Kempen ini, secara keseluruhan atau sebahagiannya menurut budi bicaranya dengan memberikan notis terlebih dahulu menerusi hantaran di laman web ABMB, paparan di premis cawangan atau iklan atau apa-apa cara pemberitahuan lain yang menjadi pilihan ABMB dan ia akan mengikat Pemegang Kad yang

Layak dan Pemegang Kad yang Layak bagi Kempen Pemerolehan mulai tarikh pemberitahuan tersebut atau mulai tarikh lain yang ditetapkan oleh ABMB dalam pemberitahuan tersebut. Pemegang Kad yang Layak dan Pemegang Kad yang Layak bagi Kempen Pemerolehan dengan ini bersetuju untuk sentiasa mengakses laman web ABMB untuk menyemak Terma dan Syarat Kempen ini.

3. ABMB berhak, pada bila-bila masa, menurut budi bicaranya sebagaimana dasar dalaman bank, untuk menukar atau menggantikan Ganjaran Kempen dengan item atau ganjaran lain yang mempunyai nilai yang setara dengan memberikan notis terlebih dahulu melalui laman web bank.
4. Terma dan Syarat Kempen merupakan tambahan kepada terma dan syarat sedia ada yang mentadbir Produk dan akaun perbankan Pemegang Kad dengan Bank ("Terma Sedia Ada").
5. Terma dan Syarat Kempen serta keputusan ABMB berkenaan segala hal yang berkait dengan Kempen ini dan Kempen Pemerolehan adalah muktamad dan mengikat semua Pemegang Kad yang Layak dan Pemegang Kad yang Layak bagi Kempen Pemerolehan, dan sebarang surat-menyurat dan/atau rayuan mengenainya tidak akan dilayan.
6. ABMB tidak akan bertanggungjawab dan tidak akan menanggung sebarang jenis liabiliti yang timbul atau dialami oleh Pemegang Kad yang Layak atau Pemegang Kad yang Layak bagi Kempen Pemerolehan yang disebabkan secara langsung atau tidak langsung oleh Kempen ini yang diakibatkan oleh tindakan pemegang kad itu sendiri. ABMB tidak akan bertanggungjawab atau dipertanggungjawabkan oleh Pemegang Kad yang Layak atau Pemegang Kad yang Layak bagi Kempen Pemerolehan dalam apa jua cara sekiranya ABMB tidak berupaya melaksanakan mana-mana obligasinya di bawah Kempen atau Kempen Pemerolehan ini sama ada secara langsung atau tidak langsung yang disebabkan oleh sebarang kejadian force majeure yang merangkumi tetapi tidak terhad kepada bencana alam, peperangan, mogok, rusuhan, pertikaian industri, sekatan masuk kerja, kebakaran, kemarau, banjir, ribut atau sebarang kejadian di luar kawalan ABMB.
7. ABMB tidak akan bertanggungjawab atas sebarang bentuk kegagalan teknikal, intervensi, gangguan, kesilapan elektronik dan/atau sebarang kegagalan atau kelewatan dalam penghantaran bukti transaksi oleh Visa International, Mastercard Incorporated, syarikat saudagar, pihak pos atau telekomunikasi atau mana-mana pihak lain yang boleh menjejaskan kelayakan Pemegang Kad yang Layak dan Pemegang Kad yang Layak bagi Kempen Pemerolehan dalam Tempoh Kempen.
8. Kad yang Layak dan akaun Pemegang Kad yang Layak dan Pemegang Kad yang Layak bagi Kempen Pemerolehan mestilah sentiasa (i) sah, mempunyai kedudukan kredit yang baik dan tidak melanggar mana-mana terma dalam Terma dan Syarat Kempen ini atau Terma Sedia Ada; dan (ii) tidak ditamatkan atau ditutup atau tertakluk kepada apa-apa penahanan, perintah bertentangan oleh Mahkamah atau mana-mana pihak berkuasa yang dibenarkan oleh undang-undang, delinkuen dan/atau tidak sah atau dibatalkan sebagaimana yang ditetapkan oleh ABMB, untuk memperoleh Ganjaran Kempen.
9. ABMB berhak menyingkirkan penyertaan mana-mana Pemegang Kad yang Layak dan Pemegang Kad yang Layak bagi Kempen Pemerolehan atau membatalkan Ganjaran Kempen sekiranya terdapat transaksi yang berunsur penipuan, dibuat tanpa kebenaran atau dibalikkan atau berlaku pelanggaran atau kemungkinan pelanggaran Terma dan Syarat Kempen ini menurut dasar dalaman ABMB. Semua rekod ABMB berkenaan transaksi yang dibuat adalah muktamad dan tidak boleh dipertikaikan.
10. Untuk mengelakkan keraguan, sebarang pembatalan, penamatan, penggantungan atau pelanjutan Kempen ini atau penyingkiran Pemegang Kad yang Layak dan Pemegang Kad yang Layak bagi Kempen Pemerolehan atau penarikan balik Ganjaran Kempen tidak akan memberikan hak kepada Pemegang Kad yang Layak dan Pemegang Kad yang Layak bagi Kempen Pemerolehan untuk membuat sebarang tuntutan atau pampasan terhadap ABMB atau bagi sebarang dan segala kerugian atau kerosakan yang dialami atau ditanggung oleh Pemegang Kad yang Layak dan Pemegang Kad yang Layak bagi Kempen Pemerolehan yang disebabkan secara langsung atau tidak langsung oleh pembatalan, penamatan, penggantungan,

pelanjutan, penyingkiran atau penarikan balik tersebut yang diakibatkan oleh tindakan Pemegang Kad yang Layak dan Pemegang Kad yang Layak bagi Kempen Pemerolehan itu sendiri.

11. Pemegang Kad yang Layak dan Pemegang Kad yang Layak bagi Kempen Pemerolehan bertanggungjawab atas segala cukai, kadar, fi kerajaan atau sebarang caj lain yang mungkin dikenakan kepada mereka menurut undang-undang yang berkenaan, sekiranya ada, berhubung dengan Kempen ini.
12. Pemegang Kad yang Layak dan Pemegang Kad yang Layak bagi Kempen Pemerolehan dengan ini memberikan persetujuan dan kebenaran sepenuhnya yang tidak boleh ditarik balik kepada ABMB untuk menggunakan, menerbitkan dan/atau memaparkan nama, sebarang gambar yang diambil, sebarang video yang dirakam dan/atau maklumat lain untuk iklan dan/atau promosi yang terhad untuk Kempen ini sahaja, tanpa sebarang pampasan kepada Pemegang Kad yang Layak dan Pemegang Kad yang Layak bagi Kempen Pemerolehan.
13. Dengan menyertai Kempen ini, Pemegang Kad yang Layak bersetuju bahawa mereka telah membaca Pernyataan Prinsip Notis dan dan Pilihan yang terdapat di laman web Bank (<https://www.alliancebank.com.my/Notice-and-Choice-Principle-Statement-Personal-Data-Protection-Act-2010>) dan dengan ini memberi persetujuan dan kebenaran kepada Bank untuk mendedahkan maklumat mereka kepada mana-mana penyedia perkhidmatan pihak ketiga yang dilantik oleh Bank bagi tujuan penganjuran Kempen ini.
14. Bank telah melaksanakan dan mengekalkan dasar dan prosedur yang dirangka untuk mencegah rasuah dan penyelewengan oleh Bank dan pengarah, pegawai, atau kakitangannya; dan setakat pengetahuan Bank, Bank atau mana-mana pengarah, pegawai, atau kakitangan Bank tidak terlibat dalam sebarang aktiviti atau perbuatan yang melanggar sebarang undang-undang atau peraturan antirasuah dan antipenyelewengan yang perlu dipatuhi oleh Bank. Bank tidak pernah, dan berjanji tidak akan, merujuk kepada pengendalian kegiatan perniagaan, berjanji, membenarkan, mengesahkan atau menawarkan untuk melaksanakan, atau membuat sebarang tindakan untuk memberikan sebarang bayaran, sumbangan, hadiah, pembayaran balik atau lain-lain pemindahan apa-apa yang bernilai, atau sebarang pengumpulan, secara langsung atau tidak langsung kepada mana-mana individu.
15. Dengan menyertai Kempen ini, Pemegang Kad yang Layak dengan ini mengakui bahawa mereka telah dimaklumkan mengenai ringkasan dasar antirasuah dan antipenyelewengan Bank yang terdapat di <https://www.alliancebank.com.my/Anti-Bribery-and-Corruption-Summary-of-Policy> dan selanjutnya berjanji/mengaku janji bahawa mereka tidak akan terlibat dengan amalan penyelewengan dalam apa cara sekalipun, sama ada secara langsung atau tidak langsung dengan mana-mana pengarah, pegawai atau kakitangan Bank.
16. Untuk Pemegang Kad Visa dengan jenis kad seperti dalam Jadual A di bawah, Visa menawarkan Waranti Lanjutan dan Perlindungan Pembelian e-Dagang untuk memberikan perlindungan tambahan dan ketenangan fikiran kepada pemegang kad semasa membeli-belah secara dalam talian.

Jadual A:

Tarikh Program:	1 Oktober 2023 – 30 September 2024	
Jenis Kad:	Visa Signature & Visa Infinite (Kredit Pengguna sahaja)	
Manfaat:	Perlindungan Pembelian e-Dagang	Waranti Lanjutan

<p>Butiran Tawaran:</p>	<p>Perlindungan Pembelian e-Dagang akan menyediakan perlindungan tahunan yang berbeza bagi peringkat produk yang berlainan:</p> <ul style="list-style-type: none"> • Perlindungan bagi pemegang kad Visa Signature adalah sehingga USD 200 bagi setiap tuntutan, dengan had sehingga USD 200 setahun • Perlindungan bagi pemegang kad Visa Infinite adalah sehingga USD 200 bagi setiap tuntutan, dengan had sehingga USD 200 setahun <p>Perlindungan Pembelian e-Dagang menyediakan perlindungan untuk kerugian yang mungkin terjadi dengan pembelian secara dalam talian, termasuklah:</p> <ul style="list-style-type: none"> • Item belian yang tidak dihantar atau penghantaran yang tidak lengkap • Item yang telah dihantar tetapi tidak berfungsi kerana kerosakan fizikal semasa penghantaran 	<p>Waranti lanjutan menduplikasikan terma Waranti daripada Pengeluar Asal sehingga 1 tahun dan meliputi pembaikan atau penggantian produk yang disebabkan oleh kerosakan mekanikal yang mengakibatkan produk tersebut tidak dapat menjalankan fungsinya setelah waranti asal luput, syarat-syaratnya termasuklah:</p> <ul style="list-style-type: none"> • Pembelian mesti mempunyai waranti minimum 12 bulan daripada pengeluar • Perlindungan diberikan kepada pembelian yang diberikan sebagai hadiah • Pembelian yang dilindungi termasuk pembelian internet • Pembelian yang dilindungi tidak perlu didaftarkan
--------------------------------	---	--

Untuk maklumat lanjut mengenai Waranti Lanjutan dan Perlindungan Pembelian e-Dagang Visa, sila rujuk <https://www.visa.com.my/>

PENCEGAHAN DAN PENGURANGAN PENIPUAN DAN SCAM PERBANKAN

17. Bank mungkin dari semasa ke semasa menyediakan maklumat atau kandungan terkini untuk pengetahuan dan kesedaran Pemegang Kad yang Layak bagi membantu mencegah dan mengurangkan risiko penipuan dan scam. Ini termasuklah tetapi tidak terhad kepada tip keselamatan, pengemaskinian versi perisian/sistem pengendalian/aplikasi, dan ketetapan peraturan oleh badan pentadbiran yang berkenaan.
18. Pemegang Kad yang Layak mesti memastikan bahawa segala instrumen perbankan disimpan dengan baik, contohnya buku cek/kepingan cek, token keselamatan, kad debit, PIN bagi perbankan menerusi telefon, butiran keselamatan log masuk bagi perbankan internet dan mudah alih, dan kod pengesahan transaksi (TAC). Pemegang Kad yang Layak perlu memaklumkan kepada Bank dengan segera sebaik sahaja menyedari kehilangan mana-mana yang tersebut di atas atau berlakunya penggunaan tanpa kebenaran atau pengesahan yang sewajarnya Pemegang Kad yang Layak tidak akan dipertanggungjawabkan terhadap kerugian yang disebabkan oleh transaksi tanpa kebenaran yang berlaku selepas Pemegang Kad yang Layak memaklumkan kepada Bank menurut Terma dan Syarat ini bahawa instrumen perbankan Pemegang Kad yang Layak yang dinyatakan di atas telah hilang, disalahgunakan, dicuri, terjejas atau diceroboh.
19. Sekiranya sebarang kerugian atau kerosakan yang dialami oleh Pelanggan dikaitkan dengan kecuaiannya yang disengajakan oleh Bank semata-mata, satu-satunya dan keseluruhan liabiliti yang ditanggung oleh Bank (sama ada berkenaan satu atau lebih tuntutan) terhadap Pelanggan dari segi kontrak atau tort adalah tidak melebihi amaun transaksi yang menimbulkan tuntutan atau ganti rugi langsung yang dialami, mana-mana yang lebih rendah. Bank tidak akan dipertanggungjawabkan atas kerugian perniagaan, kerugian keuntungan, pendapatan atau nama baik, kehilangan data, ganti rugi tidak langsung, turutan, khas atau

sampingan, liabiliti, tuntutan, kerugian, perbelanjaan, pelepasan pembayaran, award, penalti, prosiding dan kos tanpa mengira kemungkinan bahawa kerugian atau kerosakan tersebut telah diberitahu kepada, atau secara munasabah telah boleh dijangka oleh Bank.

20. Setelah dimaklumkan oleh Pemegang Kad mengenai kejadian tersebut, Bank akan menjalankan siasatan dan Pemegang Kad dikehendaki menyediakan maklumat dan kerjasama secukupnya untuk membantu siasatan. Bank dengan ini diberi kuasa untuk mengambil langkah berikut sebaik sahaja kejadian tersebut dikesan (dengan/tanpa persetujuan Pemegang Kad terlebih dahulu) untuk mengelakkan, menghentikan atau mengurangkan kerugian kewangan selanjutnya sementara Bank membuat siasatan, dan Pemegang Kad akan dimaklumkan sebaik sahaja langkah-langkah berikut dilaksanakan:
- a. menggantung atau membekukan Akaun VISA/MASTERCARD CARD yang terlibat
 - b. membatalkan atau mengeset semula akses perbankan internet atau mudah alih Pemegang Kad; dan/atau
 - c. membatalkan kesahan instrumen perbankan

dan Pelanggan akan dimaklumkan setelah perkara di atas dilaksanakan.